

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.04.2015

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pecahan pembayaran yang perlu dibuat oleh MAS untuk menutup Syarikat MAS yang lama dari jumlah RM3 bilion yang diperuntukkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada komitmen RM3 bilion daripada Khazanah Nasional Bhd, sejumlah RM1.38 bilion telah dibayar kepada para pemegang saham MAS lanjutan daripada pelaksanaan pengurangan modal secara terpilih atau *Selective Capital*

Reduction (SCR) yang dicadangkan oleh Khazanah Nasional Bhd. Jumlah selebihnya akan digunakan untuk perbelanjaan berkaitan penutupan MAS serta perpindahan kepada NewCo, termasuk pampasan kepada kakitangan dan pelbagai kos pentadbiran yang berkaitan.

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 7 APRIL 2015

RUJUKAN : 7723

SOALAN:

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Koperal Sirul Azhar Umar, tertuduh dalam kes Altantuya, dapat keluar negara sedangkan beliau tertuduh dalam kes jenayah berat dan mungkin dihukum mati.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan amalan biasa di mana sesuatu hukuman belum lagi dijatuhkan, passport tertuduh akan dipegang oleh pihak mahkamah dan nama tertuduh akan dimasukkan ke dalam senarai syak Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengelakkan tertuduh melarikan diri ke luar negara. Namun dalam kes Sirul, Mahkamah Rayuan telah membebaskannya daripada tuduhan membunuh. Oleh yang demikian, passport Sirul tidak lagi dipegang oleh mahkamah bagi menghalangnya keluar negara.